

LAPURAN PROJEK AKHIR

KURSUS DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL
(PERKILANGAN)

KAJIAN KEJURUTERAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

KAJIAN DAN PENGUBAHSUAIAN MESIN STACKER
DI SYARIKAT KOTAK MALAYSIA SENDIRIAN BERHAD

DISEDIAKAN OLEH :

AZMEE BIN HAJI AHMAD (91143058)

AZEZE BIN AZIZ (91352117)

AHMAD DZIAUDIN BIN MOHAMED (90375261)

MEI 94

SINOPSIS

Model projek ini tercipta hasil dari permasalahan yang berlaku pada salah sebuah syarikat pembuatan kotak. Permasalahan tersebut adalah permasalahan yang berlaku pada mesin stacker yang tidak beroperasi dengan sempurna mengikut apa yang dirancang. Iaitu berlaku selerakan dalam susunan kepingan kotak ketika dihadapan flap door dan bahagian susun atur. Juga berlaku kerosakan terhadap kepingan kotak yang dihasilkan akibat himpitan oleh flap door apabila flap door tertutup. Dari permasalahan yang berlaku tadi syarikat tersebut mengalami peratusan kepingan kotak rosak yang agak tinggi dan penggunaan tenaga kerja yang berlebihan untuk mengendalikan proses pembuatan tersebut menghalang daripada syarikat tersebut memperolehi keuntungan yang maksima.

Dari itu kami mengambil kesempatan ini untuk cuba mengatasi masalah ini dengan melakukan pengubahsuaian dan cadangan -cadangan yang boleh dijalankan bagi memperbaiki kesempurnaan dalam menghasilkan produk tersebut. Di samping itu juga peluang kami untuk mempraktikkan apa yang telah kami pelajari dalam teori.

Penyediaan model ini adalah untuk menggambarkan sistem yang hampir sama dengan apa yang berlaku di dalam kilang tersebut selepas pengubahsuaian dilakukan.

PENGHARGAAN

Kami mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terimakasih kepada semua organisasi dan individu-individu yang telah terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Tuan Haji Md Fuad bin Bahari sebagai penasihat projek kami yang telah sama-sama bertungkus lumus dalam memastikan projek ini berjalan lancar dan memenuhi matlamat yang telah ditetapkan. Juga tidak ketinggalan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Tuan Haji Asli bin Kassim, Ketua Kursus Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Perkilangan) yang telah membenarkan kami menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di ITM dan tidak ketinggalan juga ucapan terimakasih kepada Tuan Haji Haji Haron bin Abd Rahim, Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Syarikat Kotak Malaysia Sdn Bhd yang telah turut memberi kerjasama kepada kami sepanjang penyelidikan kami jalankan di Syarikat Kotak Malaysia Sdn Bhd.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan kepada semua individu yang tidak dapat kami sebutkan nama mereka satu persatu yang telah membantu kami menyiapkan projek ini sehingga ia menjadi satu realiti.

KANDUNGAN

MUKASURAT

SINOPSIS

i

PENGHARGAAN

ii

BAB 1 - PENGENALAN

1 - 4

1.1 LATARBELAKANG SYARIKAT

1.2 SISTEM ALIRAN KERJA

1.3 JENIS-JENIS MESIN

BAB 2 - MESIN CORRUGATOR

5 - 10

2.1 BAHAGIAN MESIN

2.2 CARA KERJA MESIN

2.3 CARA KERJA MESIN STACKER

BAB 3 - MESIN STACKER DAN PUNCA MASALAH

11 - 21

3.1 BAHAGIAN PEMOTONG

3.2 BAHAGIAN PELANTAIAN

3.3 BAHAGIAN FLAP DOOR

3.4 BAHAGIAN SUSUNATUR

BAB 4 - CADANGAN MENGATASI MASALAH	22 - 30
4.1 BAHAGIAN PEMOTONG	
4.2 BAHAGIAN PELANTAIAN	
4.3 BAHAGIAN FLAP DOOR	
4.4 BAHAGIAN SUSUNATUR	
BAB 5 - CADANGAN PENGUBAHSUAIAN	29 - 41
5.1 CARA KERJA MESIN SETELAH DIUBAHSUAI	
5.2 TEORI DAN PENGIRAAN	
5.3 LUKISAN KEJURUTERAAN	
BAB 6 - PERBINCANGAN/IMPLIKASI	42 - 44
6.1 PENINGKATAN PENGELUARAN	
6.2 KOS PENGUBAHSUAIAN	
6.3 KOS TENAGA KERJA	
6.4 KOS KESELURUHAN JANGKA PANJANG	
BAB 7 - KESIMPULAN	45 - 46
BIBLIOGRAPHI	47
LAMPIRAN	48 - 57